

Dana-dana Berkaitan Pelaburan

Great Eastern Takaful Berhad

B
ERJAYA
ERSAMA

Penyata Pengurus dan Maklumat
Kewangan yang Telah Diaudit
31 Disember 2016



KANDUNGAN

01

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif

03

Jawatankuasa Pengurusan Aset Liabiliti

04

Objektif-objektif Dana

05

Ulasan Pasaran 2016 dan Prospek Pelaburan 2017

09

Prestasi Dana 2016

10

Perbandingan Prestasi Dana

14

Penyata oleh Pengurus

15

Laporan Jawatankuasa Syariah

16

Laporan Juruaudit Bebas

20

Penyata Aset dan Liabiliti

21

Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan

22

Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih

23

Nota kepada Maklumat Kewangan

47

Soalan Lazim



ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA PARA PEMEGANG UNIT YANG DIHORMATI,

Kami dengan sukacitanya ingin membentangkan laporan dana berkaitan pelaburan Great Eastern Takaful Berhad tahun 2016 yang terdiri daripada Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016.

Zafri Ab Halim
Ketua Pegawai Eksekutif



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Ekonomi negara menyaksikan kadar pertumbuhan mantap pada tahun 2016 walaupun menghadapi persekitaran yang mencabar dan pasaran kewangan yang tidak menentu. Industri Takaful sendiri telah mencatatkan perkembangan ketara dengan demografi yang menggalakkan serta sokongan daripada Kerajaan. Lebih penting, prestasi Dana i-Makmur Great Eastern Takaful Berhad telah mengatasi jangkaan dengan mencatat pulangan sebanyak +8.7% pada tahun 2016 berbanding penanda aras deposit Islam 12 bulan sebanyak 3.1%. Sementara itu, Dana i-Mekar mencatatkan pulangan sebanyak -1.1%, mengatasi prestasi Indeks FTSE Bursa Malaysia Emas Shariah ("FBMS") yang menurun sebanyak 6.1%. Dana i-Majmuk yang mencatatkan pulangan sebanyak -1.0% juga telah mengatasi prestasi penanda aras berwajaran sebanyak 1.5% pada tahun 2016.

Melangkah ke hadapan, industri Takaful mempunyai potensi amat besar untuk berkembang. Walaupun menghadapi ketidakpastian dalam pasaran kewangan pada masa kini dan momentum yang mungkin lebih perlahan dalam jangka masa pendek, unjuran jangka panjang bagi sektor Takaful masih menggalakkan. Ini disebabkan oleh kadar penembusan takaful yang rendah, kesedaran pengguna yang lebih tinggi dan usaha yang lebih besar dalam inovasi produk dan pengedaran. Rangka kerja pengawalseliaan berhemat yang dilaksanakan secara beransur-ansur juga akan memberi sokongan dan mengukuhkan lagi kecekapan operasi dan keflexibelan dalam industri pada tahun-tahun akan datang.

Dalam persekitaran semasa, pelabur lebih arif tentang kepentingan pelaburan dan perancangan masa hadapan. Sebagai sebuah organisasi yang mementingkan nilai, kami perlu memahami sifat ini supaya dapat menyampaikan produk terbaru dan menyediakan penyelesaian terkini bagi memenuhi keperluan individu. Kami akan kekal berdaya tahan dan komited untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan kami. Dengan ketekunan dan dedikasi, kami akan dapat menangani cabaran dan sentiasa menyampaikan pulangan yang stabil dan mantap untuk pelabur kami.

Memandang ke hadapan, saya yakin kami bersedia mencapai pertumbuhan yang berjaya dan menguntungkan dalam industri. Kami akan sentiasa mengutamakan pencapaian hasil sambil meneruskan usaha untuk mewujudkan masa depan yang mampar bagi para pelabur kami.

Bagi pihak Great Eastern Takaful Berhad, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada anda semua atas sokongan berterusan dan tidak berbelah bahagi anda. Semoga Allah swt memberi petunjukNya dalam segala yang kita lakukan, Amin.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.

Bagi Great Eastern Takaful Berhad,

Zafri Ab Halim

Ketua Pegawai Eksekutif

JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET LIABILITI

Ahli Jawatankuasa

Encik Zafri bin Ab Halim (*Pengerusi*)

Ketua Pegawai Eksekutif

Great Eastern Takaful Berhad

Encik Rasman bin Abdul Ghani

Ketua, Kewangan & Pengurusan

Great Eastern Takaful Berhad

Jasveen Marne

Aktuari Yang Dilantik

Great Eastern Takaful Berhad

Encik Wan Ahmad Najib bin Wan Ahmad Lotfi

Ketua, Pengurus Strategik & Syariah

Great Eastern Takaful Berhad

Goh Pei Kuan

Ketua Ekuiti, Pelaburan

Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

Teo Chun Seng

Penolong Naib Presiden, Pengurusan Risiko dan Pematuhan

Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

Ahli Jawatankuasa Syariah

Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz (*Pengerusi efektif 1 Oktober 2016*)

Prof. Dato' Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof

Dr. Mohamad Sabri bin Zakaria

Assoc. Prof. Dr. Siti Salwani binti Razali

Assoc. Prof. Dr. Mahamad bin Arifin (*Telah meninggal 18 Januari 2016*)

Assoc. Prof. Dr. Ahmad Basri bin Ibrahim (*Telah meletakkan jawatan 30 September 2016*)

Sekretariat

Leong Yu Ting

OBJEKTIF-OBJEKTIF DANA

Dana i-Makmur

Sebuah dana yang melabur di dalam sekuriti Islam pendapatan tetap, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (daripada 40% hingga 100%) dan bakinya dilabur didalam deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memberikan pulangan konsisten pada pergolakan berparas rendah. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, ia boleh juga dilaburkan didalam sekuriti Islam pendapatan tetap di luar negara (sehingga 50%) untuk meningkatkan pulangan dana. Dana i-Makmur hanya melabur dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Mekar

Sebuah dana di mana 80% hingga 100% pelaburannya adalah di dalam ekuiti patuh Syariah, yang mungkin bergolak dalam jangka pendek. Dana ini bertujuan untuk memperoleh peningkatan modal jangka sederhana ke panjang. Sungguhpun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia (80% - 100%), sebahagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%) jika dan bila perlu, bagi meningkatkan pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Majmuk

Sebuah dana yang melabur di dalam ekuiti patuh Syariah, sekuriti pendapatan tetap dan deposit patuh Syariah. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset kerana dana ini boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti patuh Syariah sepenuhnya. Dana ini bertujuan untuk memberikan peningkatan modal jangka sederhana ke panjang, dengan pergolakan pada paras sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

ULASAN DAN TINJAUAN PELABURAN

Ulasan Pasaran Ekuiti 2016

Tahun 2016 merupakan tahun yang positif bagi ekuiti di mana Indeks Dunia MSCI telah mencatat peningkatan sebanyak 5.3%. Ini telah dicapai walaupun menghadapi permulaan tahun yang sungguh tidak menentu. Pada bulan Februari, indeks Dunia MSCI menyusut ke tahap tahunan paling rendah sebanyak 11.7% berikutan kebimbangan yang semakin meningkat mengenai kelembapan di China serta kekhawatiran Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (AS) mengetarkan dasar kewangan. Namun demikian, pasaran meningkat semula pada suku kedua apabila bank-bank pusat lain di seluruh dunia seperti di Kesatuan Eropah dan Jepun mengekalkan dasar kewangan yang longgar dan data ekonomi global juga telah menunjukkan pemulihan yang berterusan. Kejutan awal dari Brexit pada bulan Jun dapat dilupakan dengan segera apabila ekonomi global terus mara berikutan kecairan yang mudah. Pasaran komoditi juga mula pulih sedikit apabila China menunjukkan komitmen lebih mantap untuk mengurangkan kapasiti berlebihan. Suku keempat menyaksikan satu lagi pemulihan kukuh dalam pasaran AS apabila pelabur berpegang pada harapan akan menghadapi dasar ekonomi yang lebih menyokong pertumbuhan di bawah pentadbiran Trump.

Di Asia, Indeks Morgan Stanley Capital International Asia tidak termasuk Jepun ("MSCI Asia tidak termasuk Jepun") meningkat 2.9%, prestasi yang lebih rendah berbanding MSCI Dunia. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh kejatuhan dalam pasaran Asia berikutan Pilihan Raya Presiden Amerika Syarikat pada suku keempat. Kami menyaksikan aliran keluar yang ketara dari pasaran Asia tidak termasuk Jepun apabila dana ditempatkan semula ke AS didorong oleh pengukuhannya Dolar AS dan kebimbangan mengenai kesan dasar ekonomi Trump ke atas eksport Asia. Dari segi domestik, Malaysia mencatat prestasi yang rendah sedikit berbanding rantaui di mana Indeks 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia (FBM100) jatuh 2.5% pada tahun ini. Pada masa yang sama, Indeks Shariah FTSE Bursa Malaysia (FBMS) menurun sebanyak 4.3% kepada 12,014 mata. Prestasi pendapatan yang kurang memberangsangkan berbanding indeks Syarikat Utama merupakan penyumbang utama kepada prestasi pasaran yang lemah. Keputusan Pilihan Raya Presiden AS yang tidak dijangka juga telah memuramkan pasaran pada akhir tahun di mana sentimen pasaran telah menjelaskan eksport Malaysia ke AS dan juga mengakibatkan ringgit yang lebih lemah.

Ulasan dan Tinjauan Pelaburan (samb.)

Prospek Pasaran Ekuiti 2017

Melangkah ke tahun 2017, kami menjangka ekuiti domestik akan menyampaikan pulangan pertengahan satu digit berikutan ekonomi domestik yang stabil dengan pertumbuhan KDNK sebanyak 4%-4.5%, serta pemulihan dalam harga komoditi seperti minyak mentah dan minyak sawit mentah. Pendapatan korporat dijangka akan bertukar dan menyampaikan pertumbuhan satu digit yang rendah pada tahun ini selepas mengalami pertumbuhan negatif selama tiga tahun. Dari segi penilaian, KLCI dianggap tidak mahal, dan telah berdagang pada purata lampau jangka panjangnya manakala pemegangan saham asing telah merosot kepada tahap rendah. Potensi pemulihan Ringgit dan gangguan pilihan raya pada separuh kedua tahun 2016 merupakan tambahan kepada pemangkin penarafan semula yang positif. Namun demikian, kami menjangka ketidaktentuan dalam tempoh separuh pertama tahun ini disebabkan oleh faktor-faktor luaran seperti dasar dan pentadbiran baru Trump, pertumbuhan di China dan keadaan politik di Eropah.

Ulasan Pasaran Pendapatan Tetap 2016

Jumlah dagangan sekuriti berdaulat Islam Malaysia meningkat 43% pada 2016 kepada RM335 bilion (2015: RM234 bilion). Ini merupakan tahun yang penuh dengan keputusan politik luar negara yang tidak dijangka dan aliran asing yang menyumbang kepada ketidaktentuan yang lebih ketara dalam pasaran tempatan. Minat pelabur asing dalam Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues atau "GII") berkembang pada tahun ini. Keluk hasil GII telah mendatar apabila hasil jangka pendek meningkat manakala kadar hasil bertempoh lebih panjang telah menurun. GII bertempoh 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun dan 20 tahun mengakhiri tahun dengan mencatatkan 3.69% (+17 mata asas), 3.85% (-7 mata asas), 4.39% (-12 mata asas) dan 4.68% (-8 mata asas) masing-masing.

Tahun ini bermula dengan pemulihan berikutan potongan 50 mata asas dalam Nisbah Keperluan Rizab Berkanun (Statutory Reserve Requirement atau "SRR") pada bulan Januari, yang telah menambahkan kecairan dalam pasaran. Sentimen juga bertambah baik dengan pengurangan gangguan politik dan semakan semula Belanjawan 2016 yang menunjukkan bahawa kerajaan adalah komited untuk menguruskan defisit fiskal. Pada bulan April, Dolar AS/RM diniagakan pada tahap yang rendah sebanyak 3.8668 apabila harga minyak meningkat berikutan jangkaan pembekuan pengeluaran yang akan ditentukan pada salah satu mesyuarat OPEC.

Ulasan dan Tinjauan Pelaburan (samb.)

Ulasan Pasaran Pendapatan Tetap (samb.)

Pada bulan Jun, keputusan referendum UK yang tidak dijangka untuk meninggalkan Kesatuan Eropah telah menjelaskan pasaran termasuk pasaran Malaysia. Namun demikian, pasaran dengan segera memutuskan bahawa ketidakpastian yang diakibatkan oleh ‘Brexit’ akan membawa kepada kadar yang lebih rendah bagi tempoh yang lebih lama serta pertumbuhan global yang lembap. GII pulih semula apabila aliran asing ke Pasaran Baru Muncul (Emerging Markets atau “EM”) termasuk Malaysia telah bertambah. Potongan sebanyak 25 mata asas dalam Kadar Dasar Semalaman kepada 3.00% oleh Bank Negara dalam bulan Julai telah menyebabkan hasil terus menurun. Sentimen pasaran juga disokong oleh pengumuman kemasukan GII ke dalam Indeks Bon Pasaran Baru Muncul JP Morgan. Ini bermakna lebih permintaan untuk sekuriti ini daripada dana yang menjelaki indeks tersebut. Pada akhir bulan Julai, pemilikan asing dalam GII mencapai paras tertinggi baru iaitu sebanyak 10.6% (Dis 2015: 5.4%).

Menjelang suku keempat, aktiviti perdagangan menghadapi kelembapan menjelang Pilihan Raya Presiden AS. Kemungkinan kenaikan oleh Rizab Persekutuan AS (US Federal Reserve atau “Fed”) juga semakin menjadi kenyataan, disokong oleh beberapa data kukuh dan komen daripada pegawai Fed mengenai kadar yang lebih tinggi. Pada awal bulan November, Donald Trump telah dilantik sebagai Presiden Amerika Syarikat yang ke-45. Kemenangan beliau telah menyaksikan penjualan bon di seluruh dunia. Hasil Perbendaharaan AS meningkat secara mendadak pada jangkaan inflasi yang lebih tinggi memandangkan pentadbiran Trump dijangka akan memotong cukai dan menambahkan perbelanjaan fiskal bagi merangsangkan ekonomi AS. Dolar AS mengukuh berikutkan prospek rangsangan fiskal yang telah menyebabkan pengeluaran modal dari Pasaran Baru Muncul, termasuk Malaysia, pada bulan tersebut. Pada akhir bulan Disember, pemilikan asing bagi GII jatuh dari paras tertinggi tahun kepada 9.2%. Apabila Ringgit menjunam semasa penjualan mata wang secara meluas dalam Pasaran Baru Muncul, Bank Negara melaksanakan penguatkuasaan yang lebih ketat terhadap penggunaan kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forwards atau “NDF”) luar pesisir untuk mengehadkan aktiviti spekulasi. Ini telah memburukkan lagi penjualan GII.

Pada bulan Disember, GII pulih sedikit apabila BNM memperkenalkan langkah-langkah yang menyediakan peluang dalam negeri kepada pelabur asing untuk melindungi pendedahan mata wang mereka sebagai alternatif kepada NDF. Ia juga memperkenalkan langkah-langkah kepada pengeksport untuk menukar 75% daripada hasil eksport mereka kepada Ringgit. Ini telah membantu memperkuatkhan mata wang tersebut, walaupun pada tahap yang terhad. Akhirnya, seperti yang dijangka, Fed telah menaikkan kadar dana persekutuan sebanyak 25 mata asas di mesyuarat bulan Disembernya. Apa yang tidak dijangka ialah unjuran ahli jawatankuasa Fed bahawa lebih kenaikan kadar akan berlaku dalam tempoh tiga tahun akan datang. Ini telah menyangkal pemulihan harga minyak berikutkan perjanjian global untuk mengurangkan pengeluaran minyak. Jangkaan kenaikan kadar AS meningkatkan keyakinan terhadap Dolar AS dan Ringgit mengakhiri tahun pada tahap tinggi 4.4862.

Ulasan dan Tinjauan Pelaburan (samb.)

Prospek Pasaran Pendapatan Tetap 2017

Tahun 2017 dilihat sebagai satu lagi tahun yang tidak menentu. Pilihan raya dijangka akan diadakan di Belanda, Perancis, Jerman dan mungkin juga di Malaysia. Ditambah dengan perundungan UK untuk keluar dari EU dan ketidakpastian yang timbul daripada pentadbiran Trump – di mana harga aset telah bergerak secara mendadak walaupun sebelum pelantikan beliau – peningkatan populisme dan pemulihian semula merupakan topik-topik yang hangat diperkatakan. Dengan peralihan tumpuan dari bank-bank pusat untuk mengekalkan kadar rendah kepada kenaikan dalam perbelanjaan kerajaan, pulangan bagi kelas aset yang berlainan mungkin akan lebih bercanggah berbanding dengan apa yang dialami pada tahun-tahun berikutnya krisis kewangan global.


Walaupun peningkatan populisme boleh membawa kepada sekatan perdagangan, pemulihian semula mungkin berupaya membawa kesan positif kepada pengekspor komoditi seperti Malaysia. Sementara itu, inflasi pula dijangka meningkat disebabkan oleh harga minyak yang lebih tinggi, mata wang yang lebih lemah dan kesan daripada asas yang rendah. Selain ketidakpastian luaran serta pertumbuhan dan inflasi domestik, tinjauan ke atas Ringgit merupakan satu lagi pemicu utama bagi menentukan arah pasaran tempatan. Sentimen terhadap Ringgit dijangka akan kekal lemah pada 2017 jika Dolar AS terus meningkat mengikut kenaikan kadar faedah AS yang mungkin lebih cepat. Ini ditambah pula dengan rizab asing yang sentiasa diteliti, iaitu suatu ukuran jumlah penampungan negara terhadap aliran keluar modal, yang dianggap mudah terjejas pada masa kini. Sebarang kelemahan dalam Yuan China juga dijangka akan menjadikan Ringgit kerana kedua-dua mata wang ini didapati bergerak dalam arah sama pada masa lampau.

Beberapa GII yang besar akan matang pada tahun 2017, namun demikian ia akan diimbangi oleh lebih banyak terbitan baru. Ini adalah berdasarkan pada andaian bahawa defisit fiskal Persekutuan akan terus dibiayai oleh terbitan sekuriti berdaulat. Dengan kalender lelongan 2017 menuju ke arah terbitan lebih tinggi yang mempunyai tempoh lebih panjang dan juga terbitan sulung GII bertempoh 30 tahun, ini mungkin memberi tekanan ke atas harga pada jangka panjang. Namun, seperti pada 2016, tekanan mungkin dikurangkan oleh permintaan untuk aset jangka panjang dari dana yang bertumpu pada strategi yang memadankan aset-liabiliti seperti dana persaraan dan syarikat insurans.

Sementara itu, unjuran rasmi telah menetapkan pertumbuhan ekonomi Malaysia antara 4.0% dan 5.0% pada tahun 2017. Sebahagian besarnya, BNM dijangka akan mengekalkan Kadar Dasar Semalam (“OPR”) pada 3.00% dengan ruang untuk mengurangkannya jika pertumbuhan jatuh di bawah jangkaan. Ringgit yang lebih kukuh yang mencerminkan asas-asas Malaysia mungkin dapat menyingsirkan satu daripada halangan BNM untuk mengurangkan kadar. Dari segi luaran, bagaimana Trump menunaikan janji kempennya akan menjadi lebih jelas apabila tahun bermula. Dalam pada itu, pendekatan yang lebih defensif – mengambil kadar risiko yang kurang dengan mengehadkan pelaburan jangka panjang dan mendapatkan hasil yang lebih tinggi sebagai penampungan terhadap ketidaktentuan – mungkin wajar tetapi perlu dicari.

PRESTASI DANA 2016


Dana i-Makmur



Dana i-Mekar



Dana i-Majmuk



PERBANDINGAN PRESTASI DANA

Dana i-Makmur

- I. Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:

Bon Korporat & instrumen pasaran

Modal Hibrid

Bahan Pembinaan/Pembangunan

Kewangan

Lebuhraya

Hartahara

Pertanian

Tenaga

Telekomunikasi

Pegangan Pelaburan

Pengangkutan

Utility

Motor

Aset berisiko rendah

Terbitan Kerajaan

Jumlah

Deposit dengan institusi kewangan Islam

Tunai dan baki bank

Lain-lain asset/(liabiliti)

NAV setiap unit

NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan

NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan

Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)

Pertumbuhan modal

Jumlah pulangan (%)

Satu tahun

Tiga tahun

Lima tahun

Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan -

12 bulan

Satu tahun

Tiga tahun

Lima tahun

	2012 (RM)	2012 (%)	2013 (RM)	2013 (%)	2014 (RM)	2014 (%)	2015 (RM)	2015 (%)	2016 (RM)	2016 (%)
Bon Korporat & instrumen pasaran	-	-	1,009,500	9.93%	1,495,200	10.55%	1,489,425	7.45%	1,441,230	4.70%
Modal Hibrid	-	-	949,400	9.34%	2,814,395	19.88%	5,501,005	27.51%	4,049,105	13.21%
Bahan Pembinaan/Pembangunan	-	-	1,526,050	15.01%	485,583	3.43%	4,315,741	21.58%	6,353,116	20.73%
Kewangan	-	-	-	-	1,309,482	9.24%	-	-	-	-
Lebuhraya	-	-	-	-	2,519,465	17.77%	508,560	2.54%	-	-
Hartahara	-	-	-	-	1,108,548	7.82%	500,100	2.5%	-	-
Pertanian	-	-	2,311,100	22.73%	-	-	1,502,385	7.51%	-	-
Tenaga	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Telekomunikasi	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pegangan Pelaburan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pengangkutan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Utility	-	-	1,485,810	14.62%	1,303,861	9.20%	1,199,988	6.00%	1,239,960	4.05%
Motor	-	-	-	-	888,051	6.21%	4,058,000	20.28%	3,926,578	12.81%
Aset berisiko rendah	-	-	7,281,860	71.63%	11,924,575	84.13%	19,075,204	95.38%	23,033,809	75.16%
Terbitan Kerajaan	-	-	999,200	9.83%	-	-	-	-	1,914,420	6.25%
Deposit dengan institusi kewangan Islam	-	-	1,680,000	16.53%	2,240,000	15.80%	900,000	4.50%	4,960,000	16.15%
Tunai dan baki bank	-	-	91,912	0.90%	45,500	0.32%	47,385	0.24%	67,300	0.22%
Lain-lain asset/(liabiliti)	-	-	112,577	1.11%	(35,837)	-0.25%	(24,931)	-0.12%	679,692	2.22%
Jumlah	-	-	10,165,549	100.00%	14,174,238	100.00%	19,997,658	100.00%	30,645,221	100.00%
II. Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	-	-	10,165,549	-	14,174,238	-	19,997,658	-	30,645,221	-
III. Bilangan Unit	-	-	8,557,989	-	11,379,976	-	15,215,146	-	20,969,146	-
IV. NAV setiap unit	-	-	1,188	-	1,246	-	1,314	-	1,461	-
V. NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,138	-	1,176	-	1,231	-	1,306	-	1,437	-
VI. NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,060	-	1,138	-	1,175	-	1,229	-	1,306	-
VII. Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)	-	-	-	-	3.34%	-	4.50%	-	6.09%	-
VIII. Pertumbuhan modal	-	-	7.40%	-	-	-	4.50%	-	6.09%	-
VIII. Jumlah pulangan (%)	-	-	7.40%	-	3.34%	-	4.50%	-	6.09%	-
Satu tahun	-	-	n/a	-	17.48%	-	14.63%	-	14.76%	-
Tiga tahun	-	-	n/a	-	n/a	-	n/a	-	30.47%	-
Lima tahun	-	-	n/a	-	n/a	-	n/a	-	33.87%	-
IX. Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan -	-	-	3.20%	-	3.21%	-	3.21%	-	8.65%	-
Satu tahun	-	-	n/a	-	9.81%	-	9.94%	-	9.95%	-
Tiga tahun	-	-	n/a	-	n/a	-	n/a	-	9.84%	-
Lima tahun	-	-	n/a	-	n/a	-	n/a	-	12.97%	-

Perbandingan Prestasi Dana (samb.)

Dana i-Mekar

	2012 (RM)	2012 (%)	2013 (RM)	2013 (%)	2014 (RM)	2014 (%)	2015 (RM)	2015 (%)	2016 (RM)	2016 (%)
I. Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:										
Ekuiti patah sairiah	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Pertanian & Pelombongan	1,585,838	10.60%	4,885,000	13.65%	3,213,700	8.19%	6,006,440	10.15%	—	—
Bahan Pembinaan/Pembangunan	1,127,959	7.54%	1,516,330	4.24%	1,191,518	—	1,731,510	2.93%	6,859,137	11.59%
Konglomerat	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Pembinaan	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Minyak & Gas	4,055,808	27.11%	3,548,134	9.91%	5,203,550	13.26%	7,155,620	12.09%	—	—
Berasaskan sumber	1,447,050	9.67%	2,688,000	7.51%	—	—	—	—	—	—
Lain-lain - Penjagaan Kesihatan	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Lain-lain - Pembinaan	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Hartanah	185,482	1.24%	4,699,500	13.13%	1,073,928	2.74%	3,733,091	6.31%	6,188,524	10.46%
Teknologi	1,002,018	6.70%	—	—	458,000	1.17%	—	—	—	—
Telekomunikasi	1,104,020	7.38%	4,104,935	11.47%	7,05,805	17.98%	4,780,569	8.08%	—	—
Pengangkutan	—	—	2,308,500	6.45%	2,061,400	5.25%	—	—	—	—
Utiliti	1,349,250	9.02%	3,580,750	10.01%	1,998,000	5.05%	5,091,570	8.60%	—	—
Lain-lain	1,473,265	9.85%	1,564,500	4.37%	—	—	2,658,434	4.49%	—	—
	13,330,690	89.10%	28,895,669	80.74%	31,899,301	81.28%	48,615,976	82.14%	—	—
Deposit dengan institusi kewangan Islam	—	—	1,480,000	9.89%	8,220,000	22.97%	8,170,000	20.82%	11,900,000	20.11%
Tunai dan baki bank	—	—	133,607	0.89%	75,724	0.21%	41,898	0.11%	85,237	0.14%
Lain-lain asset/(liabiliti)	—	—	17,809	0.12%	(1,404,185)	-3.92%	(895,300)	-2.20%	(1,414,545)	-2.39%
Jumlah	—	—	14,962,106	100.00%	35,787,208	100.00%	39,245,899	100.00%	59,186,668	100.00%
II. Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	—	—	14,962,106	—	35,787,208	—	39,245,899	—	59,186,668	—
III. Bilangan Unit	—	—	10,250,756	—	26,328,038	—	27,222,102	—	40,932,991	—
IV. NAV setiap unit	—	—	1,460	—	1,359	—	1,442	—	1,446	—
V. NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,117	—	1,432	—	1,545	—	1,439	—	1,446	—
VI. NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	0.987	—	1,079	—	1,312	—	1,263	—	1,373	—
VII. Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
VIII. Pertumbuhan modal	—	—	12.70%	—	28.20%	—	-5.40%	—	6.20%	-1.11%
Satu tahun	—	—	12.70%	—	28.20%	—	-5.38%	—	6.20%	-1.11%
Tiga tahun	—	—	n/a	—	43.49%	—	36.75%	—	28.83%	-0.63%
Lima tahun	—	—	n/a	—	n/a	—	n/a	—	44.19%	43.59%
IX. Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan -										
FBMS (%)	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Satu tahun	—	—	11.80%	—	13.29%	—	-4.17%	—	2.35%	-6.14%
Tiga tahun	—	—	n/a	—	29.76%	—	21.42%	—	11.11%	-7.95%
Lima tahun	—	—	n/a	—	n/a	—	n/a	—	27.27%	16.64%

Perbandingan Prestasi Dana (samb.)

Dana i-Majimuk

1. Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan

	2012 (RM)	2012 (%)	2013 (RM)	2013 (%)	2014 (RM)	2014 (%)	2015 (RM)	2015 (%)	2016 (RM)	2016 (%)
Pertanian & Pelombongan	—	—	988,575	10.11%	2,119,500	11.91%	972,350	5.22%	493,000	1.86%
Bahan Pemintaan/Pembangunan	—	—	537,191	5.50%	551,400	3.10%	392,747	2.11%	694,067	2.62%
Konglomerat	—	—	—	—	—	—	1,823,800	9.79%	2,148,875	8.12%
Pembinaan	—	—	2,313,065	23.66%	1,609,510	9.05%	2,024,500	10.86%	847,884	3.20%
Minyak & Gas	—	—	543,150	5.56%	555,578	3.12%	—	—	1,367,740	5.17%
Berasaskan sumber	—	—	1,008,024	10.31%	951,700	5.35%	756,700	4.06%	—	—
Lain-lain	—	—	—	—	—	—	1,894,500	10.16%	1,352,379	5.11%
Lain-lain - Pembinaan	—	—	65,855	0.67%	2,053,992	11.55%	633,074	3.40%	1,901,601	7.19%
Hartanah	—	—	334,118	3.42%	—	—	227,500	1.22%	464,920	1.76%
Teknologi	—	—	768,600	7.86%	2,504,400	14.08%	3,290,286	17.65%	1,457,183	5.51%
Telkomunikasi	—	—	—	—	841,700	4.73%	843,300	4.52%	—	—
Pengangkutan	—	—	796,600	8.15%	1,763,500	9.91%	865,800	4.65%	2,066,929	7.81%
Utiliti	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
	7,355,177	75.25%	12,951,280	72.80%	13,724,557	73.64%	12,794,578	48.36%		

Bon Korporat & Instrumen pasaran

	2012 (RM)	2012 (%)	2013 (RM)	2013 (%)	2014 (RM)	2014 (%)	2015 (RM)	2015 (%)	2016 (RM)	2016 (%)
Modal Hibrid	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Lebuhraya	—	—	—	—	—	—	—	—	2,085,900	7.88%
Utiliti	—	—	—	—	—	—	—	—	1,974,060	7.46%
Hartanah	—	—	—	—	—	—	—	—	994,520	3.76%
Motor	—	—	—	—	—	—	—	—	997,870	3.77%
	—	—	—	—	—	—	—	—	6,052,350	22.87%

Aset berisiko rendah

	2012 (RM)	2012 (%)	2013 (RM)	2013 (%)	2014 (RM)	2014 (%)	2015 (RM)	2015 (%)	2016 (RM)	2016 (%)
Lain-lain	—	—	—	—	—	—	—	—	—	—
Deposit dengan institusi kewangan Islam	—	—	2,340,000	23.94%	4,980,000	27.99%	5,060,000	27.15%	—	—
Tunai dan baki bank	—	—	100,222	1.03%	146,839	0.83%	31,252	0.17%	—	—
Lain-lain asset/(liabiliti)	—	—	(20,468)	-0.21%	(287,977)	-1.62%	(177,459)	-0.95%	(346,014)	-1.31%
Jumlah	—	—	9,774,931	100.00%	17,790,142	100.00%	18,638,350	100.00%	26,458,573	100.00%

Perbandingan Prestasi Dana (samb.)

Dana i-Majmuk (samb.)

	2012 (RM)	2012 (%)	2013 (RM)	2013 (%)	2014 (RM)	2014 (%)	2015 (RM)	2015 (%)	2016 (RM)	2016 (%)
II. Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	-	-	9,774,931	-	17,790,142	-	18,638,350	-	26,458,573	-
Bilangan Unit	-	-	7,546,915	-	14,611,519	-	14,271,398	-	20,510,812	-
IV. NAV setiap unit	-	-	1,295	-	1,218	-	1,306	-	1,290	-
V. NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.075	-	1,288	-	1,361	-	1,299	-	1,301	-
VI. NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	0.976	-	1,038	-	1,181	-	1,160	-	1,240	-
VII. Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%)	-	-	8.70%	-	20.94%	-	-5.59%	-	6.83	-1.00%
Perumbuhan modal	-	-	n/a	-	n/a	-	n/a	-	n/a	-
VIII. Jumlah pulangan (%)	-	-	n/a	-	20.94%	-	-5.59%	-	6.83%	-1.00%
Satu tahun	-	-	n/a	-	29.08%	-	24.08%	-	21.97%	-0.16%
Dua hingga tiga tahun	-	-	n/a	-	n/a	-	n/a	-	30.16%	31.22%
Lima tahun	-	-	n/a	-	n/a	-	n/a	-	n/a	-
IX. Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan - Wajaran	-	-	11.80%	-	8.25%	-	-0.48%	-	2.78%	-1.51%
Satu tahun	-	-	n/a	-	19.79%	-	15.68%	-	10.52%	-
Dua hingga tiga tahun	-	-	n/a	-	n/a	-	n/a	-	22.12%	-16.82%
Lima tahun	-	-	n/a	-	n/a	-	n/a	-	n/a	-

PENYATA OLEH PENGURUS

Kami, Zafri bin Ab Halim dan Rasman bin Abdul Ghani, menyatakan bahawa pada pendapat Pengurus, maklumat kewangan mengiringi Dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad, yang terdiri daripada Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk yang dibentangkan pada mukasurat 20 hingga 46 telah disediakan selaras dengan polisi-polisi perakaunan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan/ Perniagaan Takaful dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Pengurus,

Zafri bin Ab Halim

Rasman bin Abdul Ghani

Kuala Lumpur, Malaysia

5 April 2017

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Kepada pemegang unit dana berkaitan pelaburan Great Eastern Takaful Berhad,

Kami, Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz dan Dr. Mohamad Sabri bin Zakaria, selaku dua orang ahli Jawatankuasa Shariah untuk Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk (secara kolektifnya dikenali sebagai "Dana-dana") berpendapat bahawa Great Eastern Takaful Berhad ("Pengurus"), telah memenuhi tanggungjawab mereka dalam cara-cara berikut untuk tahun kewangan 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2016.

Pada pendapat kami, bagi tempoh dibawah tinjauan:

- a. Dana i-Makmur telah dilaburkan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad;
- b. Dana i-Mekar dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- c. Dana i-Majmuk dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad; dan
- d. Pendapatan yang diperolehi dari aset-aset yang dilaburkan atau cara-cara yang tidak mematuhi prinsip Syariah telah dilupuskan melalui kerja-kerja kebajikan.

Ditandatangani bagi pihak Jawatankuasa Syariah,

Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz

Dr. Mohamad Sabri bin Zakaria

Kuala Lumpur, Malaysia

LAPORAN JURUAUDIT BEBAS

kepada pemegang-pemegang unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Laporan mengenai Audit Maklumat Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan untuk Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk (secara kolektif dikenali sebagai “Dana-dana”), yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2016, penyata perbelanjaan dan pendapatan, penyata perubahan dalam nilai aset bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2016, dan ringkasan polisi perakaunan yang penting , seperti yang dinyatakan pada muka surat 20 hingga 46.

Pada pendapat kami, maklumat kewangan Dana-dana bagi tahun berakhir 31 Disember 2016 disediakan dalam semua aspek penting, selaras dengan dasar-dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut dihuraikan dengan lebih lanjut didalam seksyen *Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan* laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas bagi pendapat kami.

Penekanan perkara

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2.1 kepada maklumat kewangan Dana-dana, yang menjelaskan dasar perakaunan. Maklumat kewangan Dana-dana disediakan untuk membantu Dana-dana dalam mematuhi Garis Panduan Perniagaan Insurans/Takaful Berkaitan Pelaburan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, maklumat kewangan Dana-dana mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami adalah bertujuan semata-mata untuk pemegang unit Dana-dana, sebagai sebuah badan dan tidak boleh diagihkan kepada atau digunakan oleh pihak lain selain daripada pemegang-pemegang unit Dana-dana. Pendapat kami tidak diubahsuai berkenaan dengan perkara ini.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami bebas daripada Dana-dana selaras dengan undang-undang kecil (*on Professional Ethics, Conduct and Practice*) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-undang kecil”) dan “International Ethics Standards Board for Accountants’ Code of Ethics for Professional Accountants” (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi semua tanggungjawab etika kami mengikut undang-undang kecil tersebut dan Kod IESBA.

Laporan Juruaudit Bebas (samb.)

kepada pemegang-pemegang unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Laporan mengenai Audit Maklumat Kewangan (samb.)

Maklumat selain daripada Maklumat Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Para Pengarah Pengurus adalah bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada maklumat yang terkandung di dalam Penyata Tahunan Dana-dana, tetapi tidak termasuk maklumat kewangan Dana-dana dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami mengenai maklumat kewangan Dana-dana tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami mengenai maklumat kewangan Dana-dana, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras dengan ketara dengan maklumat kewangan Dana-dana atau pengetahuan yang kami perolehi ketika menjalankan audit, ataupun, tersalah nyata yang material.

Jika berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami mendapati bahawa ada maklumat lain yang mempunyai perbezaan yang material, kami dikehendaki untuk melaporkannya. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berkenaan ini.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Pengurus Mengenai Maklumat Kewangan

Para Pengarah Pengurus (“pengarah”) bertanggungjawab untuk penyediaan maklumat kewangan Dana-dana yang memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan dasar-dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Insurans Berkaitan Pelaburan/Perniagaan Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang sewajarnya bagi memastikan penyediaan maklumat kewangan Dana-dana yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan maklumat kewangan Dana-dana, pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana-dana untuk meneruskan operasi, mendedahkan yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan keupayaan Dana-dana untuk meneruskan operasi dan menggunakan dasar perakaunan operasi berterusan, melainkan jika pengarah mempunyai hasrat untuk mencairkan Dana-dana atau berhenti beroperasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain untuk berbuat demikian.

Laporan Juruaudit Bebas (samb.)

kepada pemegang-pemegang unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Laporan mengenai Audit Maklumat Kewangan (samb.)

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada maklumat kewangan Dana-dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap kepastian yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara jika ia wujud. Salah nyata boleh timbul akibat penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau agregat, boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan maklumat kewangan ini.

Kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam maklumat kewangan Dana-dana, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, menyediakan dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, maklumat yang sengaja ditinggalkan, gambaran yang salah, atau melanggar prosedur-prosedur kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana-dana.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan dan anggaran perakaunan yang digunakan dan juga menilai nota-nota kepada maklumat kewangan yang dibuat oleh pengarah.

Laporan Juruaudit Bebas (samb.)

kepada pemegang-pemegang unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Laporan mengenai Audit Maklumat Kewangan (samb.)

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan (samb.)

- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian dasar perakaunan tentang operasi berterusan yang digunakan oleh pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian material yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar mengenai keupayaan Dana-dana untuk terus beroperasi. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian kepada nota-nota kepada maklumat kewangan Danadana didalam laporan Juruaudit kami, atau, jika nota-nota berkenaan tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Dana-dana untuk berhenti beroperasi.

Kami berkomunikasi dengan pengarah mengenai, antara lain, skop audit yang dirancang, jangkamasa audit dan penemuan audit penting, termasuk kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit kami.

Ernst & Young

AF: 0039

Akauntan Bertauliah

Brandon Bruce Sta Maria

No. 2937/09/17(J)

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

5 April 2017

PENYATA ASET DAN LIABILITI

pada 31 Disember 2016

	Nota	2016			2015		
		Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM
Aset							
Pelaburan	3	29,898,229	60,515,976	26,713,978	19,975,204	40,069,301	18,784,557
Cukai belum terima		—	—	—	—	173,553	64,705
Lain-lain pengutang	6	2,914,947	6,258,681	4,147,387	1,787,637	3,626,536	3,963,537
Tunai dan baki bank		67,300	85,237	90,609	47,385	41,898	31,252
Jumlah Aset		32,880,476	66,859,894	30,951,974	21,810,226	43,911,288	22,844,051
Liabiliti							
Peruntukan bagi cukai		143,256	23,196	38,287	72,881	—	—
Liabiliti cukai tertunda	4	30,555	148,318	50,125	7,805	280,972	130,108
Lain-lain pembiutang	7	2,061,444	7,501,712	4,404,989	1,731,882	4,384,417	4,075,593
Jumlah liabiliti		2,235,255	7,673,226	4,493,401	1,812,568	4,665,389	4,205,701
Nilai aset bersih dana ("NAV")		30,645,221	59,186,668	26,458,573	19,997,658	39,245,899	18,638,350
Diwakili oleh:							
Modal pemegang-pemegang unit		26,792,764	58,469,751	25,193,587	17,647,309	36,610,885	16,643,010
Keuntungan terkumpul		3,852,457	716,917	1,264,986	2,350,349	2,635,014	1,995,340
Akaun pemegang-pemegang unit	5	30,645,221	59,186,668	26,458,573	19,997,658	39,245,899	18,638,350
Unit dalam edaran	5	20,969,146	40,932,991	20,510,812	15,215,146	27,222,102	14,271,398
NAV setiap unit	5	1.461	1.446	1.290	1.314	1.442	1.306

Nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting maklumat kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2016

Nota	2016			2015		
	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM
Pendapatan pelaburan bersih:						
Keuntungan daripada deposit dengan institusi kewangan Islam	60,985	264,450	130,889	84,937	214,937	144,863
Keuntungan daripada sekuriti hutang korporat patuh Syariah	1,011,257	—	198,562	564,716	—	—
Keuntungan daripada sekuriti kerajaan Malaysia	132,649	—	12,389	60,464	—	—
Pendapatan dividen	—	977,277	334,938	818,104	362,442	362,442
Perbelanjaan pelaburan	(6,900)	(359,424)	(120,652)	(4,095)	(204,837)	(90,568)
	1,197,991	882,303	556,126	706,022	828,204	416,737
Keuntungan atas pelupusan pelaburan	714,114	1,059,802	532,934	280,514	—	—
Keuntungan bersih modal tidak direalisasi	284,375	—	—	73,359	3,639,526	1,668,816
Lain-lain pendapatan	5,729	49,599	13,716	217	418	333
Jumlah pendapatan	2,202,209	1,991,704	1,102,776	1,060,112	4,468,148	2,085,886
Kerugian atas pelupusan pelaburan	—	—	—	—	(1,682,884)	(653,313)
Kerugian bersih modal tidak direalisasi	—	(1,658,216)	(999,785)	—	—	—
Caj pengurusan aset	(121,633)	(683,853)	(275,796)	(75,742)	(498,644)	(210,132)
Lain-lain perbelanjaan	(485,342)	(1,503,637)	(534,540)	(304,443)	(848,154)	(324,337)
